

Jurnal Melayu (5)2010: 315-332

Variasi Dialek Pahang: Keterpisahan Berasaskan Jaringan Sungai

MOHD TARMIZI HASRAH
RAHIM AMAN
SHAHIDI A. H.

ABSTRAK

Kajian ini cuba membawa perspektif baharu terhadap penamaan dan penggolongan dialek Pahang. Kajian lepas terhadap penamaan dan penggolongan sangat dipengaruhi oleh konsep bahawa sempadan politik, menyamai sempadan dialek, sehinggakan dialek Pahang dikatakan memiliki lapan “subdialek” berdasarkan di daerah mana sundialek itu dituturkan. Dialek Pahang lantas digolongkan pula kepada dua kumpulan yang berbeza berdasarkan ciri-ciri linguistik yang ditonjolkan oleh setiap subdialek. Satu kumpulan di dalam memperlihatkan ciri dialek Pahang dan satu kumpulan lagi memperlihatkan ciri percampuran antara dialek Pahang dan dialek-dialek lain. Dalam usaha meneroka perspektif yang berbeza, kajian ini cuba menjadi sistem sungai di Pahang sebagai asas kepada penamaan dan penggolongan dialek Pahang. Varian-varian linguistik yang ada di tiga batang sungai utama di Pahang iaitu Sungai Pahang, Sungai Jelai dan Sungai Lipis dianalisis dan diperbandingkan untuk mengesan ciri persamaan dan perbezaan mereka. Kajian ini mendapati hanya wujud hanya dua subdialek di Pahang iaitu subdialek Hulu Pahang dan Subdialek Hilir Pahang yang sempadannya ditentukan oleh aliran sungai tersebut

Kata kunci: Dialek Hulu Pahang, Sistem sungai, penggolongan, penamaan subdialek.

ABSTRACT

This study attempts to draw a new perspective on nominating and classifying Pahang dialect. Previous studies on nomination and classification were greatly influence by a concept that political boundary is similar to dialect boundary, hence, deem to characterized Pahang dialect with eight sub-dialects based on particular area where the sub-dialects is used/uttered. Pahang dialect, thence, was distinguished into two groups based on the linguistic characteristics of each sub-dialect. The first group illustrates the characteristics of Pahang dialect whereas the other group exemplifies integrated characteristics of Pahang dialect and other dialects. In order to explore new perspective, this study used Pahang river system as a foundation to nominate and classify Pahang dialect. Linguistic

variation of three main river in Pahang namely Sungai Pahang, Sungai Jelai and Sungai Lipis were analyzed and compared in order to detect their similarity and differences. This study found that there are only two sub-dialects in Pahang, that is, Hulu Sungai Pahang sub-dialect and Hilir Sungai Pahang sub-dialect, which their boundaries were clearly determined by the river flows.

Key Words: Hulu Pahang Dialek, rivers system, sub-dialect nomination, sub-dialect classification

Pengenalan

Sejak dari zaman silam hingga lahinya entiti politik pasca-penjajahan, pembentukan kerajaan tradisional di Alam Melayu adalah dibina berasaskan “sistem sungai” (Bronson 1978). Kerajaan-kerajaan tradisional ini lazimnya menjadikan kuala sungai sebagai tapak untuk mendirikan sebagai pusat pemerintahan (Abdul Halim 2008). Oleh itu, banyakkah kuala sungai di Alam Melayu yang ada pada hari ini merupakan bekas tapak sesebuah kerajaan tradisional itu. Di Malaysia, misalnya, antara kerajaan-kerajaan tradisional yang terbentuk berasaskan sungai adalah kerajaan Pahang, Melaka, Kedah, Johor. Kerajaan Pahang mendirikan pusat pemerintahannya di Pekan, iaitu di tebing Sungai Pahang. Begitu jugalah dengan Kesultanan Melayu Melaka, di Sungai Melaka. Pemerintahan Johor sesama pemerintahan Sultan Ali, di Sungai Muar (Buyong 1970, Abdul Halim 2008).

Semasa menjadi tapak bagi mendirikan pusat pemerintahan, sungai juga menjadi titik penentuan sempadan sesebuah kerajaan. Misalnya, pada awal abad ke-19 sempadan antara selatan negeri Selangor dengan Perak digarisi oleh Sungai Bemam (Andaya 1979), Manakala Sungai Linggi pula menjadi sempadan selatan negeri Selangor dengan Negeri Sembilan (Buyong 1981). Selain itu, pada abad ke-19 juga sempadan antara Pahang dengan Johor ditentukan oleh Sungai Endau (Buyong 1971).

Berdasarkan contoh-contoh yang diperturunkan ini dapatlah dikesan betapa akrabnya hubungan antara aliran sungai dengan sesebuah entiti politik ketika itu.

Keterkaitan sistem sungai dalam menentukan sempadan sesebuah negeri secara tidak langsungnya pula ikut terkait bagi tujuan penetapan sempadan sesebuah dialek. Kenyataan ini memang tidak ternafikan dikeranakan salah satu faktor yang membezakan sesebuah negeri dengan negeri yang lain adalah faktor bahasanya atau faktor dialeknnya (Asmah 2008; Abdul Halim 2008). Kalau memadamkan faktor itu dengan realiti

yang wujud di negara ini, jelas sekali kebenarannya, misalnya wujudnya dialek Terengganu yang dituturkan di negeri Terengganu, dialek Kelantan yang dituturkan di negeri Kelantan, dan begitulah juga dengan dialek-dialek lain yang masing-masingnya dituturkan di negeri-negeri masing-masing pula yang telah ditentukan sempadannya.

Sebagaimana akan dijelaskan, sistem sungai menjadi sempadan sesebuah dialek. Kenyataan ini memang tidak ternafikan kerana salah satu faktor yang membezakan sesebuah negeri dengan negeri yang lain adalah faktor bahasanya atau faktor dialeknnya (Abdul Halim 2008). Kalau memadankan faktor itu dengan realiti yang wujud di negara ini, jelas sekali kebenarannya, misalnya wujudnya dialek Terengganu yang dituturkan di negeri Terengganu, dialek Kelantan yang dituturkan di negeri Kelantan, dan begitulah juga dengan dialek-dialek lain yang masing-masingnya dituturkan di negeri-negeri masing-masing pula.

Justeru dapatlah difahami bahawa pemisahan sesebuah negeri dengan negeri lain yang berasaskan sistem sungai turut menjadikan sistem sungai itu relevan jika ditilik dari segi pemisahan antara dialek seperti yang diperikan contohnya dalam perenggan di atas. Memanglah begitu korelasinya.

Hal ini kerana jika sungailah yang menjadi sempadan sesebuah negeri, maka sungai itu juga tentunya ikut menjadi sempadan dialek. Sebabnya, jika dihubungkan bahawa sesebuah-i negeri lazimnya dicirikan dialeknnya maka sungai yang menjadi sempadan pemisah politik itu ikut menjadi sempadan dialek di negeri berkenaan.

Kajian Lepas

Melihat hubungan yang erat antara topografi Semenanjung dengan batasan sesebuah kuasa pemerintahan dan dialeknnya, maka tentunya ia juga bermanfaat untuk dijadikan tatacara kebahasaan di wilayah ini. Perkaitan ciri topografi dengan elemen kebahasaan yang erat itu pernah juga dibangkit oleh Collins. Dalam tulisannya itu, beliau menyatakan:

Kalau kita berpangkal pada konsep Maxwell bahawa negeri Mdayu berasaskan lembangan sungai dan, sementara itu, kita mengetepikan faktor-faktor lain dalam pembentukan negeri, maka kita berhadapan dengan suatu landasan inetodologi penyelidikan bahasa yang cukup kukuh. Sekiranya penyelidikan bahasa ditentukan oleh konsep sungai, muncullah rangka pengkajian yang hanya tinggal dilaksanakan. Setiap lembangan sungai dapat ditinjau, dikaji, disusuri dari hilir ke hulu. Data bahasa dapat dikumpulkan melalui wawancara dan observasi secara teratur dengan arch peluasan yang ditentukan topografi, yakni rantau dan ceruk sungai sendiri (Collins 1998: 78).

Berangkat dari kenyataan Collins itu, dapatlah disimpulkan bahawa pengkajian kebahasaan di Semenanjung mesti berpangkal dari sistem sungai.

Ini kerana landasan metodologi yang dimunculkan melalui sistem sungai itu tidak dibangunkan dari konsep politik kenegerian pasca-penjajah yang menetapkan sempadan negeri tidak lagi ditentukan melalui kaedah tradisional, iaitu berdasarkan sistem sungai, tetapi berasaskan coretan-coretan ahli kartografi seperti yang terlihat di dalam peta (Collins 1999). Persempadanan negeri pasca-penjajah seperti itu dilihat tidaklah begitu mengena dengan batasan sesuatu dialek (Asmah. 1977, 2008). Oleh itu, dengan menjadikan sistem sungai sebagai tatacara pengkajian, maka dengan mudah dapat ditentukan ciri dialek, sempadannya, malah bersekali dengan penggolongannya (Collins 1998).

Penerapan tatacara pengkajian yang berdasarkan sistem sungai seperti yang dihuraikan tersebut pernah juga dilaksanakan terhadap beberapa dialek Melayu di Semenanjung,¹ antara yang boleh ditampilkan di sini ialah kajian terhadap dialek Ulu Terengganu (Collins 1983b), dialek Pahang (Collins 1983a), dialek Muar dan dialek Selangor (Collins 1996), serta dialek Hulu Tembeling (Collins 1998), dan hasil kajian-kajian itu amat mengejutkan kerana dapatannya memperlihatkan ciri dialek yang khas. Misalnya, pengkajian terhadap dialek Ulu Terengganu membuktikan bahawa Sungai Terengganulah yang menjadi pemisah dialek Terengganu Pantai dengan dialek Ulu Terengganu apabila dikesani wujudnya seberkas isoglos yang memisahkan kedua-dua dialek itu (Collins 1983b).

Sayugia, dalam tulisan ringkas ini akan dibicarakan salah satu dialek Melayu yang berlokasi di Semenanjung iaitu dialek Pahang. Berangkat daripada hipotesis bahawa sungai-sungai di Pahang merupakan sempadan yang menjadi pemisah subdialek-subdialek yang ada di sana maka tulisan ini akan menguji hipotesis itu dengan membincangkan beberapa ciri dialek Pahang yang terdapat di hilir Sungai Pahang (Temerloh),² di Sungai Jelai (Hulu Pahang, juga disinonimkan dengan Kuala Lipis)³ dan Sungai Lipis (Benta dan Raub).⁴ Sila lihat peta di Lampiran 1.

Hipotesis yang dinyatakan itu sebenarnya berasal punca daripada kesedaran mengenai peri pentingnya “sistem sungai” dalam kaitannya dengan pembentukan entiti politik yang turut memberi sungai kesan ke atas perkembangan kebahasaan. Selain itu, yakni hipotesis itu juga, disebabkan kegagalan kajian terdahulu dalam memerikan penyebaran dialek Pahang dan penggolongannya dengan tepat dan saksama.

Sudah terdapat sejumlah kajian tentang dialek Pahang, antaranya, Sturrock (1912) yang membandingkan dialek Pahang dengan dialek Kelantan dan dialek Perak, Ismail (1973) menjadikan dialek Pahang

sebagai salah satu daripada dialek untuknya memerikan kepelbagaian dialek Melayu di Semenanjung, Collins (1983a) mengkaji dialek Pahang yang dituturkan oleh penduduk di enam buah desa di kiri dan kanan Sungai Pahang di daeral Temerloh, Asiah (1987) mengkaji dialek Pahang di daerah Maran, Asmah (2008) memperuntukkan satu bab kha untuk memancarkan dialek Pahang, Marlyna (2009) mengkaji “subdialek Pekan” dari perspektif sosiolinguistik, dan Ajid & Mohd Tarmizi (200) mengkaji dialek Pahang di Sungai Jelai.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut seolah-olah mengabaikan hubungan sistem sungai dengan dialek Pahang. Kajian-kajian tersebut bertolak daripada konsep politik, iaitu suatu konsep yang mengandaikan sempadan dialek menyamai sempadan politik kedaerahan dan kenegerian (Asmah 2008, Marlyna 2009). Cakupan kawasan kajian yang terlalu kecil seperti itu hanya melibatkan sebuah kampung (Asiah 1987), dan juga perbincangan yang bersifat impresionis (Sturrock 1912). Tetapi ada juga kekecualiannya, misalnya kajian Collins (1983a) dan Ajid & Mohd Tarmizi (2009) yang bertolak dari sistem sungai sebagai titik pengkajian.

Kajian-kajian lain ini hampir tidak begitu berkait dengan kajian ini, kecuali kajian oleh Asmah iaitu *Susur Galur Bahasa Melayu* (Asmah edisi 2008). Dalam buku tersebut Asmah memperuntukkan satu bab (setebal 21 muka surat) untuk membicarakan perihal dialek Pahang. Menurut Asmah, dialek Pahang terdiri daripada beberapa subdialek, bergantung pada daerah mana sesuatu subdialek itu dituturkan. Berasaskan paradigme ini, beliau menyenaraikan sekurang-kurangnya lapan subdialek di Pahang, iaitu subdialek Pekan, Benta, Raub, Hulu Tembeling, Rompin, Temerloh, Kuala Lipis dan Bentong. Asmah seterusnya membicarakan beberapa ciri fonologi dialek tersebut dengan menjadikan subdialek Pekan sebagai titik tolaknya. Ini dapat dikcsan melalui kenyataan beliau. Dalam hal itu, Asmah (2008: 294) dengan berpegang kepada teori gelombang, berandaian bahawa subdialek Pekan adalah “...dialek Pahang yang standard,” oleh itu “...segala yang berlaku di tempat itu merupakan rujukan bagi daerah-daerah lain.” Kenyataan ini secara implisitnya membayangkan menurut Asmah subdialek Pekanlah yang menjadi induk kepada semua subdialek lain di Pahang. Antara hujah Asmah ialah kerana peranan Pekan sebagai pusat pemerintahan dan kebudayaan Pahang. Beliau menyatakan (Asmah 2008: 294):

Yang dimaksudkan dengan kawasan subdialek Pekan (Pkn) itu ialah kawasan Pekan dan sekitarnya, termasuk Kuantan. Kedua-dua bandar ini, iaitu Pekan dan Kuantan, merupakan pusat pentadbiran, pemiagaan dan kebudayaan bagi seluruh negeri Pahang.

Faktor ini ikut serta menjadikan subdialek tersebut sebagai subdialek yang mempunyai kedudukan sosial yang tinggi di Pahang.

Selanjutnya, Asmah melakukan penggolongan subdialek-subdialek tersebut. Menurut beliau, terdapat dua kumpulan subdialek di Pahang. Pertama, kumpulan memperlihatkan ciri dialek Pahang. Kedua, kumpulan lagi menunjukkan ciri dialek lain (Asmah 2008: 310). Kumpulan pertama itu terdiri daripada subdialek Pekan, Berta dan Raub. Sedangkan. Maklumat yang kedua terdiri daripada subdialek Kuala Lipis, Rompin, Temerloh, Hulu Tembeling, Bentong.

Apabila dianalisis perbincangan Asmah itu, terdapat satu kelemahan yang cukup nyata, iaitu konsep yang mendasari perbincangannya itu sendiri. Apa yang dimaksudkan konsep itu dapat dikesan apabila melihat pembahagian subdialek-subdialek di Pahang yang berdasarkan daerah-daerah itu. Pembahagian sebegini sangat nyata dipengaruhi oleh konsep sempadan politik⁷ seperti yang digaris oleh ahli kartografi dalam peta menyamai sempadan dialek. Sedangkan realitinya di Pahang tidaklah begitu (Asmah 1977; Collins 1998, 1999). Malah, bukan sahaja di Pahang. Apabila diteliti daripada skop yang lebih luas akan didapati konsep itu juga ternyata kurang tepat. Misalnya, lihat sahaja pada penyebaran dialek Terengganu yang bukan sahaja wujud di Terengganu, tetapi juga di sepanjang pesisir pantai di Pahang hinggalah ke Mersing di Johor (Collins 1999).

Tulisan ini akan tuba menjawab pertanyaan-pertanyaan itu sedapat mungkin. Dengan berpedomankan metodologi sistem sungai, tulisan ini menjadikan Sungai Pahang, Sungai Jelai dan Lipis sebagai titik pengkajian. Penganalisisan data di Sungai Pahang tertumpu di daerah Temerloh. Manakala informasi varian-varian di Sungai Jelai dan Sungai Lipis diperoleh melalui kajian lapangan di tempat-tempat tersebut. Penganalisisan data dilakukan dengan mengaplikasikan kaedah dialektologi tradisional iaitu perbandingan fonologi antara subdialek bagi mengesan perbandingan persamaan dan perbezaan.

Beberapa Ciri Fonologi Dialek Pahang

Secara umumnya, terdapat perubahan fonologi yang membezakan dialek Pahang dengan dialek-dialek Melayu lain hingga membolehkannya digelar dialek Pahang. Namun, sebagaimana kebanyakan dialek-dialek Melayu lain, kebanyakan perubahan itu terjadi pada posisi akhir. Perubahan sebegini sebenarnya agak lumrah dalam dialek-dialek Melayu (Collins

1983a). Walau bagaimanapun, untuk keperluan tulisan ini hanya dibicarakan tiga ciri fonologi. Hal ini kerana ketiga-tiga ciri itulah yang memperlihatkan perbezaan yang ketara antara subdialek yang dikaji. Ketiga-tiga ciri fonologi yang akan dibicarakan dalam bahagian ini adalah seperti berikut:

- i) Vokal sebelum konsonan [\pm koronal],
- ii) Geseran velar bersuara, dan
- iii) Diftong /-ay/ dan /-aw/

Vokal Sebelum Konsonan [\pm koronal]

Ciri penyesuaian vokal yang hadir sebelum konsonan [\pm koronal] bermaksud perbezaan realisasi vokal yang hadir sebelum konsonan koronal, jika dibandingkan dengan vokal yang hadir sebelum konsonan tak koronal. Misalnya, vokal // sebelum konsonan koronal lazimnya akan mengalami pendepanan, [+ depan], iaitu kepada [ɛ], [aɛ] dan [æ]. Berbeza pula jika vokal itu hadir sebelum konsonan tak koronal yang memperlihatkan perubahan yang sebaliknya, iaitu pembelakangan, [+ belakang], kepada misalnya [ɔ] dan [ɐ] (Collins 1999). Ciri ini memang diakui sebagai ciri khas dialek Pahang seperti yang dibuktikan dalam kajian Collins (1983a, 1998) dan kajian Ajid & Mohd Tarmizi (2009) itu. Ini bererti semua varian dialek Pahang memperlihatkan kehadiran ciri tersebut. Namun, disamping memiliki secara bersama ciri itu varian-varian yang ada di Sungai Pahang, Sungai Jelai dan Sungai Lipis, tetap menunjukkan pola perubahan vokal yang berbeza bentuk fonetiknya hingga dapat dibuat suatu sempadan pemisah antara varian-varian itu. Perubahan itu dapat dilihat dalam Jadual 19.1:

JADUAL 19.1. Penyesuaian vokal dengan konsonan koronal

Makna	S. Jelai	S. Lipis	S. Pahang
tangan	[taŋẽ]	[taŋẽ]	[taŋæ]
kanan	[kaŋẽ]	[kaŋẽ]	[kanæ]
tahun	[taũ]	[taũ]	[tawẽ]
daun	[daũ]	[daũ]	[dawẽ]
angin	[aŋi:]	[aŋi:]	[aŋiẽ]
sakit	[sakeʔ]	[sakeʔ]	[sakiɛʔ]
bukit	[bukeʔ]	[ukeʔ]	[bukiɛʔ]
lutut	[lutuʔ]	[utuʔ]	[lutueʔ]
perut	[pəyuʔ]	[pəyuʔ]	[pəyueʔ]
tumpul	[tumpu]	[umpu]	[tumpue]
bakul	[baku]	[baku]	[bakue]

Maklumat dalam Jadual 19.1 memperlihatkan beberapa realisasi vokal dialek Pahang yang hadir sebelum konsonan koronal iaitu konsonan /-n/, /-t/ dan /-l/. Melaluinya dapat diperhatikan bahawa realisasi vokal sebelum konsonan-konsonan tersebut nyata berbeza. Perbezaan itu sangat jelas jika varian yang ada diketiga-tiga sungai itu dibandingkan satu sama lain. Beberapa contoh boleh diperturunkan kembali di sini. Misalnya, vokal /a/ sebelum nasal /n/ direalisasikan kepada [ɛ] di Sungai Jelai dan Lipis, dan kepada [æ] di Sungai Pahang. Tetapi, vokal /u/ sebelum konsonan /n/, /t/ dan /l/ lain pula gejalanya. Pada posisi itu, /u/ > [u] di Jelai dan di Lipis, dalam masa yang sama memperlihatkan rangkap vokal iaitu [ue] di Sungai Pahang. Begitu juga dengan vokal /i/ yang juga hadir sebagai rangkap vokal [iɛ] di Sungai Pahang, tetapi hanya direalisasikan kepada [i:] jika hadir sebelum nasal /-n/ dan perendahan kepada [e] sebelum konsonan /-t/. Perbezaan realisasi untuk ketiga-tiga vokal, /i/, /a/ dan /u/ adalah sangat jelas. Selanjutnya, perhatikan pula Jadual 19.2.

JADUAL 19.2. Penyesuaian vokal dengan konsonan tak koronal

Makna	S. Jelai	S. Lipis	S. Pahang
tulang	[tula]	[tulã ^v]	[tulã ^v]
abang	[aba]	[abã ^v]	[abã ^v]
hidung	[ido]	[ido]	[idõ ^o]
jantung	[dʒanto]	[dʒanto]	[dʒantõ ^o]
minum	[minū:]	[minū:]	[minõ]
senyum	[sɛpū:]	[sɛpū:]	[sɛpõ ^o]
tiup	[ti ^v oʔ]	[ti ^v oʔ]	[ti ^v oʔ]
hidup	[idoʔ]	[idoʔ]	[idoʔ]

Dapat diperhatikan maklumat dalam Jadual 2 bahawa wujud perbezaan realisasi vokal yang hadir sebelum konsonan tak koronal. Perbezaan itu juga bersifat diagnostik dan dapat pula dipisah-pisahkan varian-varian di Jelai, Lipis dan Sungai Pahang. Lihat sahaja vokal /a/ yang hadir sebelum nasal /-ŋ/. Vokal tersebut menunjukkan realisasi yang berbeza antara Sungai Jelai, iaitu kekal sebagai [a] tanpa proses nasalisasi, dengan Sungai Lipis dan Sungai Pahang yang direalisasikan sebagai [ã^v] yang memperlihatkan terjadinya proses nasalisasi dan pelemahan nasal /-ŋ/.

Tetapi, dalam ciri yang lain, polanya berbeza pula berbanding dengan apa yang dinyatakan dalam perenggan di atas. Lihat, misalnya realisasi vokal /u/ sebelum nasal /m/ dan /ŋ/, juga /u/ sebelum konsonan /p/. Realisasi untuk vokal ini, iaitu /u/, sebelum konsonan-konsonan tersebut, jelas menunjukkan kedekatan hubungan antara Jelai dan Lipis berbanding hubungan kedua-duanya dengan varian-varian di Sungai Pahang. Ini kerana varian-varian di kedua-dua sungai itu, iaitu Jelai dan Lipis, menunjukkan realisasi vokal yang sama, iaitu /u/ sebelum nasal /-m/ > [ũ:]; sebelum /-ŋ/ dan /-p/ > [o], berbanding dengan varian-varian di Sungai Pahang yang vokalnya di kedua-dua posisi itu memperlihatkan bentuk geluncuran [o^o] jika hadir sebelum nasal /-m/ dan /-ŋ/ serta mengalami perendahan kepada [ɔ] jika hadir sebelum konsonan /-p/.

Vokal Sebelum Geseran Velar Bersuara, /-ʎ/

Seperti juga kebanyakan dialek Melayu yang lain, konsonan geseran velar bersuara, /-ʎ/, di akhir kata akan mengalami pelenyapan.⁵ Pelenyapan konsonan itu menghasilkan pula bentuk fonetik yang pelbagai.

Ada dialek Melayu yang memperlihatkan ciri pemanjangan seperti yang dikemukakan oleh Ismail (1973). Ada juga dialek Melayu yang menunjukkan ciri pelemahan *schwa* seperti yang terdapat dalam banyak kajian Collins (1983a, 1996). Pendek kata, konsonan /-y/ hanya lenyap tetapi tidak hilang kerana konsonan itu hadir pula dalam bentuk fonetik yang lain (Collins 1996).⁶

Fenomena yang terjadi dalam dialek Pahang ke atas konsonan /-y/ juga tidaklah menyimpang jauh dengan apa yang terjadi dalam dialek-dialek Melayu yang lain seperti yang dinyatakan dalam perenggan di atas. Masih ada ciri pemanjangan dan pelemahan itu di Pahang. Walau bagaimanapun, isu yang perlu ditonjolkan di sini bukannya berkaitan dengan persamaan gejala yang terjadi dalam dialek Pahang dengan dialek Melayu lain, tetapi perbezaan realisasi fonetik konsonan /-y/ dalam dialek tersebut. Ini dapat diperhatikan dalam jadual di bawah:

JADUAL 19.3. Konsonan /-y/ di akhir kata

Makna	S. Jelai	S. Lipis	S. Pahang
besar	[bəse:]	[bəse ^ə]	[dəŋe ^ə]
bakar	[bake:]	[bake ^ə]	[ule ^ə]
telur	[tələ:]	[tələ ^ə]	[tələ ^ə]
tidur	[tido:]	[tido ^ə]	[tido ^ə]
kotor	[koto:]	[koto ^ə]	[koto ^ə]
hilir ⁷	[ilɛ:]	[ilɛ ^ə]	
air	[aɛ:]	[aɛ ^ə]	
pasir	[pasɛ:]	[pasɛ ^ə]	

Data-data dalam Jadual 3 menunjukkan gejala yang terjadi terhadap konsonan /-y/ pada posisi akhir kata. Gejalanya sangat nyata. Mungkin dengan sekali pandang sahaja, sudah mampu mengesannya. Perhatikan bahawa varian-varian di Sungai Pahang dan Sungai Lipis, kedua-duanya memperlihatkan semacam geluncuran *schwa*, iaitu [e^ə], [o^ə] dan [ɛ^ə] setelah konsonan /-y/ itu dilenyapkan. Tetapi tidak demikian di Sungai Jelai yang memperlihatkan ciri pemanjangan iaitu [ɛ:], [o:] dan [ɛ:]. Melalui ciri yang dipaparkan ini, yang jelas kelihatan ialah kedekatan hubungan antara varian di Sungai Lipis dan varian di Sungai Pahang, berbanding dengan varian di Sungai Jelai.

Diftong /-a/y dan /-aw/

Hakikatnya, dialek Pahang tidak memperlihatkan kehadiran diftong bahasa Melayu baku, iaitu /-ay/ dan /-aw/,⁸ kerana kedua-dua diftong bahasa Melayu baku itu menjadi monoftong dalam dialek Pahang. Tetapi keadaan itu tidaklah bererti tiada diftong dalam dialek tersebut. Diftongnya tetaplah ada cumanya digelar diftongisasi, iaitu suatu proses yang mana diftong yang diwujudkan itu berpuncakan monoftong asal, misalnya vokal /-i/ dan /-u/ akhir kata menjadi [-iɤ] dan [-uw] di Pahang. Sebenarnya, gejala diftongisasi ini bukanlah satu ciri asing dalam dialek Melayu kerana ia agak lumrah seperti yang dicatatkan dalam beberapa kajian, antaranya Collins (1983a, 1983b, 1987, 1999).⁹

Walau bagaimanapun, tumpuan bahagian ini bukannya untuk berbicara perihal diftongisasi itu, tetapi diftong /-ay/ dan /-aw/ itulah.¹⁰ Untuk melihat realisasi kedua-dua diftong ini dalam dialek Pahang adalah seperti yang terpapar dalam jadual di bawah ini.

JADUAL 19.4 .Diftong /-ay/ dan /-aw/

Makna	S. Jelai	S. Lipis	S. Pahang
petai	[pətɛ]	[pətɛ]	[pətɛ:]
semai	[səmɛ̃]	[səmɛ̃]	[səmɛ̃:]
sungai	[suŋɛ̃]	[suŋɛ̃]	[suŋɛ̃:]
renyai	[ɤɛ̃jɛ̃]	[ɤɛ̃jɛ̃]	[ɤɛ̃jɛ̃:]
kerbau	[kɛ̃ybo]	[kɛ̃yba]	[kɛ̃yba:]
pisau	[piso]	[pisa]	[pisa:]
pulau	[pulo]	[pula]	[pula:]

Informasi dalam Jadual 4 menghidangkan panorama yang sama seperti yang diperlihatkan dalam perbincangan bahagian-bahagian sebelum ini, iaitu perbezaan realisasi fonetik yang tegas di antara Sungai Jelai, Sungai Lipis dan Sungai Pahang.

Di Jelai dan Lipis, diftong /-ay/ kelihatannya berubah menjadi [ɛ] tanpa ciri pemanjangan, iaitu [ɛ:], seperti yang terjadi di Sungai Pahang. Begitu pula, diftong /-aw/ di Jelai menjadi monoftong, iaitu kepada [ɔ]. Berbeza dengan perubahan yang terjadi di Jelai, varian di Sungai Lipis memperlihatkan /-aw/ menjadi [a]. Di Sungai Pahang juga sepertinya memperlihatkan perubahan yang hampir sama dengan perubahan yang

terjadi di Sungai Lipis, iaitu bentuk [a], cumanya di Sungai Pahang wujud pula ciri pemanjangan, iaitu /-aw/ > [aː].

Dapatan Kajian

Setelah berbicara mengenai beberapa perubahan fonetik yang terjadi di Pahang, maka bolehlah pula diusahakan suatu penggolongan terhadap varian-varian yang dibicarakan tersebut. Sebelum itu, elok juga ditinjau beberapa penggolongan awal yang dilakukan oleh sarjana-sarjana terdahulu.

Collins (1983a), semasa melakukan pengkajian di Temerloh, pernah mencatat mengenai masalah penggolongan dialek Pahang bersebabkan kewujudan ciri fonologi yang rencam sehingga menyukarkan beliau menentukan penggolongan dialek Pahang yang munasabah (Collins 1983: 110). Oleh sebab wujudnya kepelbagaian ciri itulah ada sarjana yang lebih awal daripada Collins yang pernah menggolongkan dialek Pahang bersama-sama dengan dialek Jelebu, Linggi dan Segamat di bawah label “dialek campuran” (Ismail 1973), ada juga yang menggolongkannya sebagai tergolong dalam Kelompok Selatan bersekali dengan dialek Melaka, Johor dan Selangor (Asmah 1977), dan merubah semula kelompok terakhir itu dengan memasukkan dialek Pahang ke dalam kelompok dialek-dialek Pantai Timur (Asmah 2008). Collins sendiri, dalam tulisannya yang lain, sepertinya berdiri sebaris dengan Asmah apabila beliau (Collins 1999: 240), menggolongkan dialek Pahang di bawah cabang Semenanjung Timur bersama dialek Kelantan, Patani, Terengganu dan Ulu Terengganu, serta mungkin juga dialek Hulu Tembeling (Collins 1998, 1999).

Namun demikian hal yang perlu dinyatakan adalah penggolongan dialek Pahang yang dilakukan oleh sarjana-sarjana tersebut merupakan penggolongan dialek Pahang pada tahap yang lebih tinggi dan lebih luas. Ini kerana penggolongan itu hanya melihat hubungan dialek Pahang dengan dialek-dialek lain di luar negeri Pahang. Dan penggolongan sebegitu bukanlah fokus makalah ini, mungkin untuk membicarakan perkara itu diperlukan sebuah tulisan yang lain pula. Cukuplah dalam tulisan ini hanya dibicarakan isu penggolongan “dalaman” atau lebih tepatnya penggolongan varian-varian.

Sebelum tulisan ini membicarakan perihal penggolongan varian-varian di Pahang dengan lebih lanjut, elok juga sekiranya disentuh kembali penggolongan yang dilakukan oleh Asmah (2008). Hakikatnya, terdapat dua isu yang perlu ditimbulkan dalam tulisan ini apabila menyentuh

penggolongan Asmah, iaitu pertama menyentuh soal penamaan dan kedua pula terkait dengan soal penggolongan. Isu penamaan merujuk kepada label yang digunakan oleh Asmah, dan isu yang terakhir itu pula, iaitu soal penggolongan, merujuk kepada kedekatan hubungan varian-varian tersebut. Kedua-dua isu yang dimaksudkan itu sebenarnya sangat penting kerana maklumat-maklumat terbaru sepertinya memperlihatkan penyimpangan dari apa telah sedia sampai kepada kita.

Mengenai isu penamaan varian di Pahang, secara nyatanya ia masih lagi dipengaruhi oleh suatu konsepsi bahawa sempadan politik menyamai sempadan bahasa seperti yang diulas pada bahagian awal tulisan ini. Lalu, dengan konsepsi itu, muncullah nama-nama varian atau “subdialek” yang dipadankan dengan nama-nama daerah. Berbeza dengan tulisan ini kerana maklumat terbaru yang diperoleh dilapangan membuktikan konsepsi sedemikian tidak tepat untuk memerikan gejala dialektal di Pahang. Lantas mengimplikasikan ketidaksesuaian pepadanan nama-nama “subdialek” dengan nama-nama daerah yang memunculkan lapan “subdialek” sepertimana yang diungkapkan oleh Asmah dalam bukunya itu (Asmah 2008). Sebaliknya, perubahan-perubahan fonetik yang terjadi di Pahang memperlihatkan hanya wujud dua “subdialek”, iaitu subdialek Hulu Pahang dan subdialek Hilir Pahang. Maklumat-maklumat lapangan membenarnya kenyataan ini, lihat misalnya maklumat-maklumat yang dipaparkan dalam Jadual 19.5 di bawah.

JADUAL 19. 5. Perubahan fonetik dialek Pahang

Melayik Purba	Subdialek Hulu Pahang Sungai Jelai	Subdialek Hilir Pahang Sungai Lipis	Subdialek Hilir Pahang Sungai Pahang
*-uŋ	-o	-o	-oɑ
*-um	-u:	-u:	-oɑ
*-it	-e	-e	-iɛ
*-ut	-u	-u	-uɛ
*-ul	-u	-u	-uɛ
*-ay	-ɛ	-ɛ	-ɛ:
*-aw	-o	-a	-a:

Paparan dalam Jadual 19.5 memperlihatkan beberapa perubahan fonetik yang terjadi di Pahang. Berikut daripadanya dapat disimpulkan dua perkara. Pertama, perubahan fonetik yang dipaparkan menunjukkan perbezaan yang ketara antara hulu, iaitu di Sungai Jelai dan Sungai Lipis, dan di hilir, iaitu di Sungai Lipis. Beberapa contoh boleh diperturunkan

kembali di sini, misalnya untuk vokal /u/ sebelum nasal /ŋ/, varian-varian di Jelai dan Lipis memperlihatkan bentuk [o], manakala varian-varian di Sungai Pahang memperlihatkan rangkap vokal, [oɑ]. Begitu juga dengan vokal /u/ sebelum nasal /m/ yang wujud sebagai ciri pemanjangan, [u:] di Jelai dan Lipis. Tetapi di Sungai Pahang pula tetap juga menunjukkan fon rangkap vokal iaitu [oɑ]. Pendek kata vokal dalam varian di Jelai dan Lipis direalisasi hanya dalam bentuk satu vokal. Berbeza dengan varian di Sungai Pahang yang hadir dalam rangkap vokal.

Kedua, adalah berkait dengan isu penamaan. Jika kajian sebelum ini mendakwa wujud lapan “subdialek” di Pahang dan “subdialek” itu dinamakan dengan nama-nama daerah, tulisan ini mengetengahkan dapatan yang berbeza. Berdasarkan bukti fonetik dalam Jadual 5, tulisan ini menolak pembahagian dialek Pahang kepada lapan subdialek, sebaliknya mengesyorkan hanya dua subdialek, iaitu Subdialek Hulu dan Subdialek Hilir. Dua justifikasi yang mewajarkan pengesyoran ini. Pertama, justifikasi berasaskan perubahan fonetik itulah. Kedua ialah faktor geografi dan sejarah. Untuk justifikasi yang pertama tidaklah perlu dihuraikan lagi kerana telah dihuraikan dalam perenggan-perenggan sebelum ini. Yang akan dihuraikan ialah justifikasi yang kedua itu.

Subdialek Hulu Pahang adalah suatu pengitlakan terhadap varian-varian yang dituturkan di Sungai Lipis dan Sungai Jelai. Dilabelkan sedemikian kerana mempertimbangkan lokasi kedua-dua sungai berkenaan. Memang, kedua-dua sungai itu, dari segi geografinya terletak di hulu Pahang, iaitu dalam erti kata terletak di hulu Sungai Pahang. Letak geografi itu sebenarnya secocok dengan hakikat sejarah kawasan itu juga. Hal ini kerana jikalau merujuk kepada dokumen-dokumen persejarahan negeri Pahang, letaknya Sungai Jelai dan Sungai Lipis iaitulah di kawasan yang digelar Hulu Pahang (Linehan 1936, Buyong 1972). Kawasan ini yang suatu ketika dahulunya diperintahkan oleh Orang Kaya Seri Maharaja Perba Jelai, yang mana luasan wilayah kekuasaannya meliputi keseluruhan Sungai Jelai dan sebahagian Sungai Lipis (Cant 1973). Dikatakan sebahagian untuk Sungai Lipis kerana sungai itu terletak dalam dua daerah iaitu Kuala Lipis dan Raub. Bahagian Sungai Lipis yang termasuk dalam kawasan Hulu Pahang hanya bermula dari Benta membawalah ke kualanya iaitu Kuala Lipis.

Jika varian di hulu Sungai Pahang digelar subdialek Hulu Pahang, maka varian di Sungai Pahang pula digelar subdialek Hilir Pahang. Walau bagaimanapun, terdapat perkara lain yang perlu dijelaskan. Kata ‘hilir’ yang dikenakan kepada subdialek hilir itu sebenarnya agak kabur bersebabkan konotasi kata ‘hilir’ itu sendiri yang kelihatannya agak luas maksudnya, iaitu luas dari segi maksud geografi yang dibawa oleh kata

itu kerana kata ‘hilir’ itu sepertinya membawa maksud bahawa semua varian-varian yang ada di Sungai Pahang, iaitu yang bermula dari puncanya di Kuala Tembeling hinggalah akhirnya di Kuala Pahang, memperlihatkan perubahan fonetik yang sama yang membolehkan semua varian itu digelar subdialek Hilir Pahang.

Sebenarnya tidaklah demikian, sebaliknya maksud yang dibawa oleh label subdialek hilir itu hanya pengitlakan dan hanya memaksudkan varian-varian yang dituturkan di Temerloh sahaja. Pengitlakan itu ada benarnya. Ini kerana terdapat beberapa bukti yang memperlihatkan beberapa gejala lain di hilir, misalnya di Beserah yang menunjukkan ciri dialek Terengganu (Asmah 1981), malah varian disepanjang pesisir pantai Pahang memang ciri dialek Terengganu itulah yang wujud (1999). Disebabkan adanya bukti-bukti itu maka label subdialek Hilir Pahang yang hanya dikenakan kepada varian di Temerloh itu agak munasabah juga.

Sambil wujudnya pemisahan disebabkan perbezaan fonetik antara subdialek hulu dan hilir, dapat juga ditonjolkan beberapa perubahan fonetik lain yang memperlihatkan kedekatan hubungan antara varian di Sungai Lipis dengan Sungai Pahang. Perubahan ini seolah-olah bertentangan pula dengan pelabelan Subdialek Hulu dan Subdialek Hilir. Hal ini kerana varian di Sungai Lipis yang tergolong dalam Subdialek Hulu memperlihatkan bentuk fonetik yang sama dengan varian di Sungai Pahang yang tergolong dalam Subdialek Hilir. Perubahan yang dimaksudkan dapat diperhatikan dalam jadual di bawah.

JADUAL 19.6. Perubahan fonetik lain di Pahang

MP	S. Jelai	S. Lipis	S. Pahang
*-əʏ	-e:	-e ^ə	-e ^ə
*-uʏ	-o:	-o ^ə	-o ^ə
*-iʏ	-ε:	-ε ^ə	

Daripada paparan dalam Jadual 6 di atas, dapat dilihat bahawa perubahan fonetik yang dipaparkan itu, iaitu perubahan vokal dalam urutan *-əʏ dan *-uʏ, jelas menunjukkan dekatnya hubungan varian di Lipis dan varian di Sungai Pahang, yang mana kedua-dua varian tersebut memperlihatkan bentuk geluncuran, misalnya [e^ə], setelah *-ʏ lenyap. Fenomena ini berbeza dengan varian di Jelai yang hanya memperlihatkan ciri pemanjangan. Walau bagaimanapun, perubahan fonetik yang dipaparkan dalam Jadual 19.6 ini tidaklah menjejaskan pembahagian dialek

Pahang kepada Subdialek Hilir dan Subdialek Hulu seperti yang dibicarakan dalam perenggan-perenggan di atas. Hal ini kerana memang vokal yang hadir sebelum konsonan velar, *-ʏ, akan direalisasikan dalam beberapa bentuk fonetik seperti [ɔ], [ə] dan [wə], dalam mana-mana dialek Melayu pun (Collins 1983a, 1996). Justeru, perubahan fonetik dalam Jadual 6 dapatlah dianggap sebagai fenomena lumrah dialek Melayu yang tidak ikut memberi kesan terhadap pembahagian dialek Pahang tersebut.

Kesimpulan

Perbincangan dalam tulisan ini sederhana sahaja ditambah pula dengan data-data yang agak terhad. Bersebabkan hal-hal begitu, maka tidaklah dapat dibuat suatu kesimpulan yang muktamad dan mutlak. Pertamanya yang harus ditekankan kembali adalah mengenai peri pentingnya sistem sungai atau lembangan sungai dalam pengkajian dialek Melayu umumnya dan pengkajian dialek Pahang amnya. Tulisan ini telah membuktikan akan keperipentingan sistem topografi tersebut. Mungkin cakupan kawasannya tidak begitu meluas kerana ada beberapa sungai yang menghala ke arah barat negeri Pahang dan bahagian hulu Sungai Lipis yang membawa ke daerah Bentong, tidak disentuh di sini. Kemungkinan, jika berpandukan kepada andaian bahawa sempadan dialek dipengaruhi juga oleh sistem sungai, maka boleh juga diandaikan perubahan fonetik di kedua-dua kawasan yang dinyatakan itu berbeza dengan dengan sungai-sungai yang dikaji di sini. Namun, andaian tersebut memerlukan pembuktian lapangan.

Keduanya, perlu kiranya diusahakan pemetaan dialek Pahang mengingatkan perbincangan di sini telah membuktikan kewujudan perubahan fonetik yang berbeza antara sungai-sungai utama di Pahang sehinggakan boleh dibina seberkas isoglos. Pemetaan ini sangat penting agar dengannya diketahui pula batasan-batasan dialek Pahang dan subdialeknya, benarkah persebaran ciri khas dialek Pahang meliputi sepanjang lembangan Sungai Pahang, dan benarkah wujudnya ciri fonetik yang tegas diantara subdialek-subdialek yang berlokasi di sungai-sungai utama itu.

Ketiganya, pembahagian dialek Pahang kepada dua kumpulan subdialek iaitu Subdialek Hulu Pahang dan Subdialek Hilir Pahang yang cuba diketengahkan dalam tulisan ini sebenarnya belumlah lagi muktamad. Hal ini bersebabkan masih ada lagi kawasan di Pahang yang belum dikenal pasti ciri linguistiknya, misalnya di kawasan Pahang Tengah yang terletak jauh dari lembangan Sungai Pahang yang meliputi daerah Raub dan Bentong. Berkemungkinan ciri linguistik di kawasan ini berbeza dengan ciri linguistik yang diperlihatkan oleh varian-varian yang ada di

lembangan Sungai Pahang tidaklah dapat dipastikan. Jika mengambil kira hujah bahawa semakin jauh sesebuah kawasan semakin berbeza pula ciri linguistiknya, mungkin ciri linguistik di Raub dan Bentong dan juga kawasan-kawasan lain yang terletak di luar lembangan Sungai Pahang berbeza dengan ciri linguistik yang ada di lembangan ini yang berkemungkinan membolehkan pula diwujudkan satu kumpulan subdialek lain lagi.

Demikianlah beberapa kesimpulan yang menuntut usaha ilmiah kita digandakan lagi agar dengan usaha yang sedemikian pemahaman kita tentang teori persebaran dialek Melayu akan menjadi lebih jelas.

Nota

- ¹ Di luar Semenanjung, penerapan metodologi sebegini pernah dilakukan, antaranya, di Borneo (Collins 1987, Chong Shin & Collins 2001, Chong Shin 2005), Palembang (Anderback 2005) dan Kalimantan Barat (Yusriadi 2007).
- ² Data-data varian dialek Pahang di Temerloh diperoleh dari kajian Collins (1983a) iaitu dari Kampung Sanggang Seberang dan Purun.
- ³ Varian di Sungai Jelai diambil dari Kampung Beriang, Bet-alas dan Kuala Kenong.
- ⁴ Varian di Sungai Lipis diambil di Benta iaitu dari Kampung Sama dan Tualanc, Padang, dan di Raub iaitu dari Kampung Kuala Keloi.
- ⁵ Ada juga yang beranggapan bahawa /-ʏ/ di akhir kata digugurkan terus tanpa meninggalkan ciri lain (Asmah 1977, 2008).
- ⁶ Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan penafsiran yang tepat mengenai perubahan konsonan ini diperlukan analisis akustik.
- ⁷ Kata-kata yang berakhir dengan /-i ʏ/ tidak diperolehi di Temerloh.
- ⁸ Bahasa Melayu baku memiliki tiga diftong iaitu /ay/, /aw/ dan /oy/, tetapi hanya dua itulah sahaja yang dibicarakan dalam makalah ini.
- ⁹ Lazimnya, konstruksi diftongisasi dalam dialek-dialek Melayu terhasil melalui pola VG, iaitu vokal tinggi akan diikuti pula geluncuran. Selepas mengalami proses asas ini, ada dialek yang meneruskan perubahan tersendiri.
- ¹⁰ Untuk melihat fenomena diftongisasi dalam dialek Pahang, lihat Collins (1983a), dialek Ulu Terengganu (Collins 1983b), bahasa Kerinci (Prentice & Usman 1971) dll.

Rujukan

- Abdul Halim Nasir. 2007. *Lembangan sungai dalam peradaban Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob & Mohd Tarmizi Hasrah. 2009. *Dialek Melayu Pahang: Tinjauan di Sungai Jelai*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar SERUMPUN. Anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universitas Hasanuddin, 4-5 Julai.
- Asiah Idris. 1989. Fonologi dialek Pahang: satu kajian awal di Kampung Sentang. *Jurnal Dewan Bahasa* 6: 415-431.
- Asmah Hj. Omar. 1977. *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1991. *The phonological diversity of the Malay dialects*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2008. *Susur galur bahasa Melayu*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bronson, B. 1978. Exchange at the upstream and downstream ends: notes toward a functional model of the coastal state in Southeast Asia. Dlm. Karl L. Hutterer (ed.). *Economic Exchange and social interaction in Southeast Asia: perspective from prehistory, history, and ethnography*, hlm. 39-52. Ann Arbor: Center for South and Southeast Asian Studies, The University of Michigan.
- Buyong Adil. 1972. *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cant, R. G. 1973. *An historical geography of Pahang*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Collins, James T. 1983b. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 1983a. Dialek Pahang: rangka pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa* 27: 7-29; 99-118.
- Collins, James T. 1989. *Antologi dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, James T. 1998. Bahasa Melayu Hulu Tembeling: menjejaki sejarah Semenanjung. *Jurnal Dewan Bahasa* 2: 145-157.
- Collins, James T. 1999a. *Wibawa bahasa: kepiawaian dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1973. Malay dialects in Malay Peninsula. *Nusantara* 3 (1): 69-79
- Linehan, W. 1936. *A history of Pahang*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
- Marlyna Maros. 2009. *Dialek Pekan: penggunaan dan pengejalan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALI 09). Anjuran Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 10-11 Mac.
- Sturrock, A. J. 1912. Some notes on the Kelantan dialects, and some comparisons with the dialects of Perak and Central Pahang. *JSBRAS* 62: 1-7.